

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1996/97

Oktober/November 1996

AKP401/AAW314 - PENGAUDITAN/PENGAUDITAN I

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA BELAS (12)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja. Soalan-soalan dari Bahagian A adalah **WAJIB**. Pilih dan jawab **DUA (2)** soalan dari Bahagian B.

Bahagian A - WAJIB

1. (a) Berikut ialah penyata kewangan Yusman Pembinaan Bhd. dan laporan audit bagi tahun berakhir 31 Jan., 1996. Pengauditan telah dijalankan oleh Encik Lokman, seorang akauntan:

Yusman Pembinaan Bhd.
Lembaran imbangan pada 31 Januari 1996

	1996 RM	1995 RM
Aset		
Aset semasa:		
Tunai	87,644	103,724
Akaun boleh terima, dicagar	130,596	93,844
- tolak elaun akaun lapuk		
sebanyak RM7,600,000 dalam		
1996 dan RM6,000,000 dalam		
1995 (rujuk kepada nota)		
Inventori, dicagar - pada kos	297,820	236,528
purata, tidak melebihi kos		
gantian		
Aset semasa lain	12,560	10,384
	<u>528,620</u>	<u>444,480</u>
	=====	=====

...2/-

AKP401/AAW314

	1996 RM	1995 RM
Aset tetap:		
Tanah pada kos	77,800	124,600
Bangunan - pada kos, tolak susutnilai terkumpul sebanyak RM101,600 dalam 1996 dan RM106,800 dalam 1995	348,800	300,400
Mesin dan peralatan - pada kos tolak susutnilai terkumpul sebanyak RM61,000 dalam 1996 dan RM51,280 dalam 1995	197,080	157,120
 Jumlah aset tetap	<u>623,680</u> =====	<u>582,120</u> =====
 Jumlah aset	 1,152,300 =====	 1,026,600 =====
Liabiliti dan ekuiti pemegang saham		
Liabiliti semasa:		
Akaun belum bayar	55,852	96,322
Liabiliti lain	137,486	129,026
Pinjaman jangka pendek	7,200	7,200
Cukai pendapatan terakru	93,680	61,732
 Jumlah liabiliti semasa	<u>294,218</u>	<u>294,280</u>
Liabiliti jangka panjang:		
Pinjaman jangka panjang	180,800	188,000
 Jumlah liabiliti	<u>475,018</u>	<u>482,280</u>
Ekuiti pemegang saham		
Modal saham: 1,000,000 saham @ RM100 satu	200,000	200,000
Untung tertahan	477,282	344,320
 Jumlah ekuiti pemegang saham	<u>677,282</u>	<u>544,320</u>
 Jumlah liabiliti dan ekuiti pemegang saham	 1,152,300 =====	 1,026,600 =====

...3/-

Yusman Pembinaan Bhd.
Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Jan. 1996

	1996 RM	1995 RM
Pendapatan		
Jualan	1,769,864	1,364,262
Pendapatan lain	7,744	5,702
Jumlah	<u>1,777,608</u>	<u>1,369,964</u>
Kos dan belanja:		
Kos barang dijual	927,140	707,684
Belanja jualan	483,306	403,972
Belanja pentadbiran	144,308	133,164
Peruntukan cukai pendapatan	91,752	39,880
Belanja lain	27,164	27,298
Jumlah	<u>1,671,760</u>	<u>1,311,998</u>
Pendapatan bersih	<u>105,848</u>	<u>57,966</u>

Kepada: Encik Yusman, Pengerusi
Yusman Pembinaan Bhd.

31 Januari 1996

Saya telah memeriksa kunci kira-kira Yusman Pembinaan Bhd. serta penyata pendapatan dan untung tertahan yang berkaitan.

Penyata-penyata ini memberi satu pandangan yang benar dan saksama mengenai penyata-penyata kewangan dan hasil operasi selaras dengan penyata piawai perakaunan yang digunakan secara konsisten. Pemeriksaan saya telah dijalankan mengikut penyata garis-panduan pengauditan (statements of auditing guideline) dan penyata amalan pengauditan (statement of auditing practice) dan termasuk ujian-ujian ke atas rekod perakaunan dan tatacara pengauditan yang lain sepertimana difikirkan perlu.

(Tandatangan) Lokman

AKP401/AAW314

Dikehendaki:

Senaraikan dan bincangkan kekurangan yang boleh didapati dari laporan audit yang disediakan oleh Encik Lokman.

[12 markah]

- (b) Berikut ialah situasi berasingan yang memerlukan anda mengemukakan suatu laporan audit:
- (i) Pada 5 bulan yang lepas Syarikat Bakan Penapis Bhd. telah menukar arah perniagaannya dan telah muncul dalam perniagaan carigali petroleum secara besar-besaran. Pihak pengurusan mengakui bahawa perniagaan ini mempunyai risiko yang tinggi dan boleh menjejaskan kejayaan perniagaan penapis minyak petroleum yang sedia ada tetapi pulangan dari perniagaan carigali adalah amat tinggi. Dalam tempoh operasi carigali yang singkat ini, Syarikat Bakan Penapis Bhd. telah mengesan 3 perigi kering dan tiada kejayaan. Maklumat ini telah diumumkan dalam nota akaun.
 - (ii) Selepas tarikh penyata kewangan, juruaudit menjalankan tatacara audit selepas tarikh kunci kira-kira dan dimaklumkan tentang kerosakan besar terhadap dua jentera klient akibat terbakar api dan kerugian tidak dapat digantirugi oleh syarikat insuran. Peristiwa kebakaran ini telah ceritakan dalam surat akhbar harian. Penyata kewangan dan nota-nota yang disediakan oleh klient tidak maklumkan kerugian akibat kebakaran.
 - (iii) Klient anda, Keris Bhd. telah menukar kaedah susutnilai garis-lurus kepada kaedah baki berkurangan. Kesannya kepada pendapatan tahun ini adalah tidak matan (material) tetapi kesan pada pendapatan tahun-tahun yang akan datang mungkin matan. Maklumat tersebut telah dinyatakan dalam nota-nota akaun.

Dikehendaki:

Untuk setiap situasi di atas, nyatakan laporan audit yang sesuai dan berikan alasannya.

[12 markah]

...5/-

2. (a) Dengan menggunakan model risiko audit (audit risk model), nyatakan kesan ke atas risiko kawalan (control risk), risiko sedia ada (inherent risk), risiko audit yang boleh diterima (acceptable audit risk) dan bukti dirancang (planned evidence) untuk peristiwa berikut:
- (i) Pihak pengurusan menambahkan pinjaman jangka panjang berkontrak secara matan (material).
 - (ii) Syarikat ditukar dari syarikat persendirian kepada syarikat umum.
 - (iii) Juruaudit menetapkan risiko kawalan (control risk) pada paras di bawah maximum.
 - (iv) Baki akaun menambah secara matan dari tahun lepas tanpa alasan yang kukuh.
 - (v) Melalui fasa perancangan, anda mendapati bahawa modal kerja, nisbah pinjaman/ekuiti dan petunjuk perkhidmatan kewangan lain telah menambah pada tahun yang lepas.
 - (vi) Audit tahun ini adalah kali kedua dan didapati sedikit sahaja kesilapan dalam audit tahun lepas. Juruaudit berhasrat lebih bergantung kepada kawalan dalaman.

Dikehendaki:

Nyatakan kesan bagi setiap situasi di atas dengan mengikut format di bawah:

- I = tambah
- D = kurang
- N = tiada kesan
- C = tidak dapat diputuskan

	Risiko kawalan	Risiko sediada	Risiko audit yang boleh diterima	Bukti dirancang

[12 markah]

...6/-

- (b) Terangkan keempat-empat risiko tersebut.

[8 markah]

3. Berikut ialah tatacara dari pelbagai kitaran urusan niaga:

- (a) Menyemak jumlah di jurnal pembayaran tunai dan mengesan (trace) bakinya ke lejar am.
- (b) Pilih satu sampel catatan dalaman jurnal perolehan dan mengikut setiap sampel ke invoice penjual berkaitan supaya menentukan kewujudannya.
- (c) Mengira pusingan inventori setiap produk utama dan bandingkannya dengan tahun-tahun lepas.
- (d) Mengesahkan sesampel baki nota belum bayar, kadar faedah dan cagaran dengan bank.
- (e) Mengira jumlah senarai akaun belum bayar dan banding baki tersebut dengan lejar am.
- (f) Memeriksa dokumen urusan niaga perolehan sebelum dan selepas tarikh kunci kira-kira supaya menentukan sama ada ia direkodkan dalam tempoh berkenaan.
- (g) Menentukan sama ada tunai disenaraikan dahulu setiap hari bila ia diterima oleh pembantu presiden.
- (h) Tanya pengurus kredit sama ada setiap akaun belum terima diimbangkan duga pengumuman (aged) dapat dipungut.

Dikehendaki:

- (i) Bagi setiap tatacara audit di atas, kenalpasti kitaran urusan niaga (transaction cycle) yang diaudit.
- (ii) Bagi setiap tatacara audit di atas, kenalpasti jenis bukti audit.
- (iii) Bagi setiap tatacara audit di atas, kenalpasti sama ada ianya adalah ujian kawalan atau ujian penyokongan.

...7/-

- (iv) Bagi setiap tatacara audit penyokongan, kenalpasti sama ada ia adalah satu ujian urusanniaga, satu ujian butir-butir baki atau satu tatacara analitik.
- (v) Bagi setiap ujian kawalan atau tatacara ujian penyokongan urusanniaga, kenalpasti objektif kawalan dalaman yang dipenuhi.
- (vi) Bagi setiap tatacara ujian butir-butir baki, kenalpastikan objektif audit yang dipenuhi.

Gunakan format berikut:

	(i)	(ii)	(iii)	(iv)	(v)	(vi)
(a)						
(b)						
(c)						
(d)						
(e)						
(f)						
(g)						
(h)						

[20 markah]

...8/-

Bahagian B

Pilih dan jawab DUA (2) soalan sahaja.

4. (a) Mengapa kebebasan amat penting kepada juruaudit?

[4 markah]

- (b) Jelaskan perbezaan antara kebebasan fakta (independence in fact) dan kebebasan pada kelihatan-kelihatan (independence in appearance).

[4 markah]

Situasi (i) hingga (vii) yang berikut adalah berkaitan dengan soalan 4(c), (d) dan (e).

- (i) pemilikan saham dalam syarikat klien.
- (ii) mengadakan perkhidmatan simpan-buku akaun bagi klien audit oleh orang yang menjalankan audit.
- (iii) mengadakan perkhidmatan pengurusan bagi klien audit oleh individu yang berasing dari bahagian audit.
- (iv) mengadakan audit tahunan dijalankan oleh firma juruaudit yang sama bagi 10 tahun berturut-turut.
- (v) mengadakan audit tahunan disediakan oleh pasukan audit yang sama bagi lima tahun berturut-turut.
- (vi) mengadakan audit tahunan disediakan oleh firma CPA bagi sepuluh tahun berturut-turut.
- (vii) membiarkan pihak pengurusan memilik firma CPA.

Bagi setiap situasi di atas:

- (c) Terangkan konsep "ada kesan pada kebebasan fakta (independence in fact)".

...9/-

- (d) Terangkan konsep "kebebasan pada kelihatan (independence in appearance)".
- (e) Nilaikan kesan sosial amalan-amalan melarang juruaudit melakukannya.

Gunakan format berikut:

	(c) Kebebasan fakta	(d) Kebebasan pada kelihatan	(e) Kesan sosial
(i)			
(ii)			
(iii)			
(iv)			
(v)			
(vi)			
(vii)			

[10 markah]

...10/-

5. Berikut ialah pengiraan oleh juruaudit mengenai nisbah-nisbah yang penting bagi Bulan Bhd. Tujuan asas maklumat ini ialah menaksir risiko kegagalan kewangan. Namun begitu, kesimpulan relevan lain juga boleh didapati:

Nisbah	1996	1995	1994	1993	1992
Nisbah semasa	2.08	2.26	2.51	2.43	2.50
Nisbah cepat	0.97	1.34	1.82	1.76	1.64
Pendapatan sebelum cukai dibahagi dengan belanja faedah	3.50	3.20	4.10	5.30	7.10
Pusingan akaun boleh terima	4.20	5.50	4.10	5.40	5.60
Bilangan hari untuk pungut akaun boleh terima	108.20	83.10	105.20	80.60	71.60
Bilangan hari untuk jual inventori	172.60	195.10	133.90	107.80	108.30
Pusingan inventori	2.03	1.84	2.68	3.34	3.36
Jualan bersih dibahagi aset ketara	0.68	0.64	0.73	0.69	0.67
Pendapatan operasi dibahagi aset bersih	0.13	0.14	0.16	0.15	0.14
Pendapatan operasi dibahagi aset ketara	0.09	0.09	0.12	0.10	0.09
Pendapatan bersih dibahagi ekuiti biasa	0.05	0.06	0.10	0.10	0.11
Pendapatan sesyer	RM4.30	RM4.26	RM4.49	RM4.26	RM4.14

...11/-

Dikehendaki:

- (a) Apakah kesimpulan utama yang boleh didapati dari maklumat di atas mengenai masa depan Bulan Bhd.?

[3 markah]

- (b) Berikan maklumat tambahan yang dapat membantu menganalisis keadaan kewangan Bulan Bhd.

[9 markah]

- (c) Berasaskan kepada nisbah-nisbah di atas, apakah aspek-aspek Bulan Bhd. yang patut dititikberatkan dalam audit?

[6 markah]

6. Majlis Perbandaran Pinang mengendalikan tapak meletak kereta dekat stesyen keretapi. Pengawal yang bertugas mengeluarkan pelekat meletak kereta tahunan yang berpranombor (prenumbered) kepada penduduk yang mengemukakan borang permohonan serta bukti pemastautinan (residency). Pelekat dilekat ke kereta dan membolehkan penduduk meletak keretanya di mana-mana tapak untuk 12 jam setelah memasukkan seringgit dalam mitar letak kereta. Permohonan disimpan di pejabat pengawal di tapak tersebut. Pengawal menentukan hanya penduduk sahaja yang menggunakan tapak tersebut dan tiada penduduk meletak keretanya tanpa memasukkan bayaran ke dalam mitar.

Pengawal yang bertugas menyimpan kunci induk (master key) bagi semua mitar. Sekali seminggu ia memungut duit siling dalam mitar dan menyimpannya dalam peti besi terkunci. Ia menghantar peti itu ke Bangunan Simpanan Perbandaran di mana seorang kerani Jabatan Simpanan membukanya, mengira duit siling yang ada dan merekod jumlah tunai di Laporan Tunai Mingguan (yang akan dihantar ke Jabatan Perakaunan) dan menyimpan tunai tersebut dalam satu laci. Pada keesokan hari, Bendahari Perbandaran memungut dan mengira tunai tersebut, menyediakan slip deposit bank dan memasukkannya ke bank. Slip deposit bank yang diakui sah oleh pihak bank dihantar ke Jabatan Perakaunan untuk difailkan bersama Laporan Tunai Mingguan.

...12/-

Dikehendaki:

Kenalpastikan kelemahan yang ada pada sistem sekarang dan syorkan langkah yang sesuai untuk setiap kelemahan supaya menguatkan kegiatan kawalan penerimaan tunai di tapak meletak kereta.

Gunakan corak berikut untuk menjawab:

Kelemahan

Syor

[18 markah]

7. (a) Bincangkan tugas dan tanggungjawab yang dihadapi oleh seorang juruaudit menurut Akta Syarikat 1965 (pindaan) dan Akta Industri Sekuriti 1983 (pindaan).

[18 markah]

ATAU

- (b) Syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur diwajibkan menubuh Jawatankuasa Audit. Bincangkan fungsi-fungsi yang dapat dilaksanakan oleh Jawatankuasa audit.

[18 markah]

---ooo000ooo---